



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM BAGI LEPASAN STPM/ SETARAF DIUMUM PADA 14 OGOS 2026

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) melalui UPUOnline® bagi peringkat **Ijazah Sarjana Muda Sesi Akademik 2026/2027 untuk lepasan STPM/ Setaraf** akan diumumkan pada **14 Ogos 2026 (Jumaat)**.

Keputusan boleh disemak mulai **14 Ogos 2026, jam 12.00 tengah hari hingga 23 Ogos 2026, jam 5.00 petang** melalui platform seperti berikut:

- a) Secara atas talian melalui pautan, <https://upu.mohe.gov.my> .
- b) Secara atas talian melalui pautan, <https://upu2.mohe.gov.my> .
- c) Melalui **Aplikasi Mobile UPUPocket** di telefon pintar.
- d) Melalui **Aplikasi Mobile MyGov** di telefon pintar.

Pengesahan setuju terima/tolak tawaran bermula pada **15 Ogos 2026 hingga 23 Ogos 2026** di laman web UA masing-masing. **Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh UA** kepada calon yang berjaya mulai **15 Ogos 2026** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.

Hanya pemohon yang tidak berjaya mendapat tawaran sahaja boleh mengemukakan **permohonan rayuan melalui UPUOnline®** bagi kemasukan ke UA di <https://upu.mohe.gov.my> dalam **tempoh 10 hari** mulai 14 Ogos 2026, jam 12.00 tengah hari hingga 23 Ogos 2026, jam 5.00 petang.

Tawaran tempat bagi Sesi Akademik 2026/2027 adalah MUKTAMAD dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian dan UA tidak dibenarkan. Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan **UPUOnline®** boleh dimajukan ke **Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA** secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

No. Tel: 03-8684 2363
E-mel: upu@mohe.gov.my
Facebook, Tiktok & Instagram: BKPA UPU

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
12 OGOS 2026**